

UMS Link sumbang kepada anak yatim bersempena Ramadan

48 15-08-2012 B4

Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

RUMAH amal yang menempatkan kanak-kanak kurang bernasib baik memiliki tanggungjawab besar untuk membentuk masa depan kanak-kanak menjadi terjamin dan mampu menyumbang kembali kepada golongan yang memerlukan.

Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn Bhd, Datuk KY Mustafa berkata terdapat kanak-kanak yang dibesarkan di rumah amal akhirnya berjaya memasuki institusi pengajian tinggi sehingga ke peringkat universiti atau kolej dan selesai pengajian mereka berupaya menikmati kehidupan yang lebih baik di samping kembali membantu anggota masyarakat yang kurang berupaya.

“Usaha memberikan sumbangan

kali hadirnya Ramadan sebagai sebahagian daripada usaha memenuhi tanggungjawab sosial korporat syarikat,” katanya.

Menurut Mustafa, sempena bulan Ramadan yang mulia ini banyak pihak menghulurkan sumbangan baik secara individu, syarikat korporat, pelbagai agama dan kaum kepada golongan yang memerlukan.

“Sesungguhnya, ini adalah satu realiti hubungan antara kaum yang menakjubkan dan merupakan satu keunikan yang sudah sekian lama terjalin di negeri Sabah yang wajar untuk terus dipupuk dalam usaha mengukuhkan lagi semangat Malaysia,” katanya.

Beliau berharap agar penyampaian amalan menderma dan bersedekah tidak hanya dilakukan pada Ramadan tetapi juga pada bulan-bulan biasa sebagai salah satu langkah bersama ke



MUSTAFA menyampaikan cek sumbangan kepada Ramli (kiri) sambil diperhatikan Wan Azeelan, Yusak (kedua kanan) dan Terence (hujung, kanan).

Mustafa juga menegaskan melalui amalan menderma dan bersedekah akan berupaya membentuk satu kekuatan yang hebat dan mampu mewujudkan sebuah dana yang besar serta boleh berperanan membangunkan sosioekonomi masyarakat dengan lebih berkesan.

“Langkah menderma perlu digerakkan secara serius melalui penyediaan prasarana beramal jariah secara profesional serta mendapat sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat, termasuklah agensi-agensi kerajaan dan swasta yang sememangnya menghasilkan banyak keuntungan perniagaan,” katanya.

Kunjungan ke RPH yang dikendalikan Kelab Kakitangan dan Rekreasi ULink (URECC) dengan kerjasama Seksyen Pemasaran dan Promosi ULink menyampaikan pelbagai bentuk sumbangan kepada penghuni RPH terdiri daripada bantuan sejumlah wang, pakaian Hari Raya, duit raya dan juga pelbagai keperluan harian.

Pada tahun 2010, rombongan UMS Link yang berkunjung ke rumah

itu telah memberikan sumbangan dua unit komputer untuk kegunaan kanak-kanak di RPH itu.

Turut hadir Pemangku Ketua Pegawai Operasi UMS Link, Wan Mohd Azeelan Adnan; Pengurus Kanan Perkhidmatan Korporat, Perundangan dan Governan, UMS Link Yusak Yumboris; Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Pengkomersilan, UMS Link Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Pengkomersilan UMS Link, Terence Chee Su Kyun; Ahli Lembaga Pengarah RPH, Ramli Ibrahim; dan Pengurus RPH, Ustaz Mohd Sabri Abdullah.

Sementara itu, dalam ucapan balasnya terhadap kunjungan rombongan UMS Link, Mohd Sabri memaklumkan bahawa RPH kini mempunyai 30 penghuni. Seramai sembilan daripadanya akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 2013.

Menurutnya, rumah itu kini berusia empat tahun dan merupakan tahun terakhir mendiami rumah itu kerana dalam masa terdekat akan berpindah ke sebuah bangunan berdekatan kira-kira tiga minit perjalanan.

“Sejak kewujudan rumah ini, UMS adalah pihak yang sangat kerap berkunjung menghantar sumbangan dan memberikan khidmat pembelajaran,” katanya sambil memaklumkan bahawa semakin ramai pihak menghulurkan sumbangan untuk membantu kelangsungan operasi rumah amal itu.

“Sebenarnya dari segi keperluan harian, rumah ini tidak menghadapi sebarang masalah kerana bekalan agak mencukupi namun masalah yang dihadapi ialah berkaitan bangunan dan sumber tenaga untuk membantu memberikan pendidikan kepada kanak-kanak,” katanya sambil menambah, pihaknya juga berhadapan cabaran bagaimana mengawal pergerakan kanak-kanak di rumah itu khususnya ketika berada di luar kawasan rumah.

RPH dikendalikan oleh lima orang kakitangan dan ditadbir oleh Ahli Lembaga Pengarah yang berada di Kota Kinabalu.



SABRI menerima sumbangan kambing UMS Link dari Mustafa.

kepada golongan yang memerlukan merupakan tuntutan Islam untuk membantu memberikan kegembiraan kepada golongan yang kurang berupaya.

“Justeru, pihak pengurusan UMS Link meneruskan pemberian sumbangan kebajikan setiap

arah memperkasakan pembangunan masyarakat dan seterusnya ekonomi umat Islam.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di Majlis Penyampaian Sumbangan Ramadan UMS Link kepada Rumah Putera Harapan (RPH) di Ranau baru-baru ini.



MUSTAFA (duduk tengah) bergambar bersama kanak-kanak penghuni RPH dan rombongan UMS Link.